


ERP 2.0

**Perkara yang anda perlu tahu tentang
peralihan daripada IU kepada Unit Dalam
Kenderaan ERP 2.0**



OBU serba baru

Dengan peralihan kepada ERP 2.0, pemandu kenderaan perlu menggantikan unit di dalam kenderaan (IU) mereka dengan unit dalam kenderaan (OBU) LTA yang baharu. Berikut adalah beberapa perkara penting yang perlu diketahui tentang OBU dan cara memasangnya.



Terdapat 2 jenis OBU:

A

OBU tiga keping untuk kebanyakan kenderaan

Paparan Skrin Sentuhan



Antena

Unit Pemproses



B

OBU satu keping untuk motosikal sahaja

Unit Satu Keping



Ciri-ciri utama:



Menyediakan maklumat pembayaran ERP di lokasi pembayaran ERP, makluman bayaran dan baki kad.



Makluman di Zon Sekolah, Zon Warga Emas, kamera had laju, lorong bas dan banyak lagi (untuk OBU tiga keping sahaja).



Memudahkan bayaran ERP dan tempat letak kereta melalui pilihan bayaran kad CEPAS* yang sah (kad NETS Flashpay atau NETS/ EZ-Link Motoring).



Pada masa hadapan, OBU juga akan membolehkan bayaran lesen penggunaan untuk kereta luar waktu puncak, kenderaan klasik dan vintaj, tol pintu masuk, dan tempat letak kereta elektronik di tepi jalan.

Berkenaan OBU tiga keping

Meskipun kami mengesyorkan agar anda memasang Paparan Skrin Sentuhan, anda mempunyai pilihan untuk tidak berbuat demikian. Anda boleh memilih untuk mengakses maklumat ERP melalui aplikasi mudah alih yang sesuai.

*Perhatian: Kad tunai CashCard dan kad EZ-link SimplyGo tidak sesuai dengan OBU.

Pemasangan OBU anda

Berikut adalah perkara yang perlu anda lakukan untuk memasang OBU dalam kenderaan anda.

1

Cari bengkel

Imbas kod QR atau layari go.gov.sg/book-obu untuk mencari bengkel yang sah oleh LTA.



Find a Workshop

Here are the suitable workshops for your vehicle. Please contact the workshop directly to book an appointment.

Filter by location or name of workshop

按地址或安裝中心搜尋 / Cari Bengkel Melalui Alamat
Atau Nama / यातायात सेवा केन्द्रों के नाम से या
பெயர் மூலம் தேர்வு செய்து கொள்ளுங்கள்

Q E.G. 541206, SIN MING OR VICOM

SEARCH WORKSHOPS

2

Buat janji temu

Hubungi atau WhatsApp bengkel yang dipilih untuk menjadualkan janji temu.

WHATSAPP

CALL WORKSHOP

Pergi ke bengkel

Juruteknik akan menerangkan pilihan penempatan unit pemprosesan OBU untuk kenderaan anda. Setelah disahkan, anda boleh meninggalkan kenderaan anda di bengkel dan mengambilnya pada masa yang ditetapkan.

3

4

Selepas pemasangan

OBU anda kini sedia untuk digunakan. Anda boleh melayari go.gov.sg/obu-eservices untuk melihat sejarah transaksi dan tarikh luput waranti OBU anda.

Jika anda telah memilih untuk menggunakan aplikasi mudah alih, anda perlu mendaftarkan telefon pintar anda melalui Perkhidmatan Digital OneMotoring sebelum menggandingkannya dengan OBU anda.



Pembayaran dengan OBU anda

Anda boleh terus membayar menggunakan kad CEPAS yang sah (Kad NETS/EZ-Link Motoring). Simpan kad ganti untuk pembayaran di tempat letak kereta persendirian yang tidak menyokong Sistem Letak Kereta Elektronik (EPS).

Kami juga menggalakkan anda untuk mendaftar dengan NETS Auto Top-Up bagi kemudahan tambah nilai kad anda secara automatik.

For more information about ERP 2.0
and the OBU installation process, please visit:



go.gov.sg/erp2-1m



go.gov.sg/erp2-guide



Call Assist Service:
6377 2255

If you require further support or
have any other questions,
contact us through the form below.



go.gov.sg/erp2-contactus



@WeKeepYourWorldMoving



@ltasg



www.lta.gov.sg



@LTASingapore

